



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

SIARAN MEDIA

JKM LANCAR BAYARAN BANTUAN TANPA TUNAI (*CASHLESS*)

KANGAR, 9 Ogos 2021 - Duli Yang Teramat Mulia Raja Puan Muda Perlis, Tuanku Hajah Lailatul Shahreen Akashah Khalil telah berkenan berangkat mencemar duli untuk menyempurnakan majlis Pelancaran Projek Rintis Pembayaran Bantuan Bulanan JKM Secara Tanpa Tunai (*Cashless*) yang dikenali sebagai JKMPay di Hotel Putra Regency, Kangar. Turut hadir dalam majlis ini ialah YB Datuk Seri Rina Mohd Harun, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat.

Menurut YB Datuk Seri Rina dalam ucapan aluannya, “Projek ini akan dilaksanakan dengan kerjasama strategik bersama Bank Islam Malaysia Berhad bagi tempoh 6 bulan bermula pada 1 Februari 2021 sehingga 31 Julai 2021. Ianya melibatkan JKM Negeri Perlis dan tiga buah Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah (PKMD) iaitu Daerah Kubang Pasu dan Kota Setar di Kedah serta PKMD Melaka Tengah, Melaka. Sehingga 1 April 2021, seramai 650 penerima bantuan baru telah menyertai projek rintis ini.”

Melalui kaedah ini, penerima bantuan akan menerima 50 peratus daripada jumlah kadar bantuan yang diluluskan dan akan dikreditkan ke dalam Kad ATM/Debit Bank Islam manakala 50 peratus lagi akan dimasukkan ke

dalam Kad *Cashless* JKMPay. Sebagai permulaan, penerima bantuan hanya boleh berbelanja untuk barang keperluan asas, keperluan harian dan ubat-ubatan di kedai-kedai yang berdaftar dengan Bank Islam sahaja. Pembelian yang tidak tersenarai dalam maklumat barang keperluan, tidak dibenarkan untuk menggunakan kad *Cashless* JKMPay tersebut.

YB Menteri juga berharap agar Projek Rintis Pembayaran Bantuan Bulanan JKM Secara Tanpa Tunai (*Cashless*) dapat diperluaskan ke seluruh negara dan kepada semua penerima bantuan JKM yang layak seiring dengan keperluan semasa serta perubahan norma baharu selain dapat meningkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan kepada masyarakat khususnya golongan sasar Kementerian.

Dengan peruntukan Belanjawan 2021 sebanyak RM2.2 billion, Kementerian melalui JKM komited untuk menambah baik sistem perkhidmatan penyampaian bantuan dari semasa ke semasa selari dengan perkembangan teknologi dan peredaran zaman khususnya aktiviti pembelian dalam talian dan transaksi tanpa tunai (*Cashless*).

Turut hadir dalam majlis ini YB Tuan Ruzaini bin Rais, Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam, Kebajikan & Bantuan Bencana dan Hubungan & Kerjasama Sempadan mewakili YAB Menteri Besar Perlis serta Dr. Maziah binti Che Yusoff, Ketua Setiausaha KPWKM.

###

Disediakan oleh	Unit Komunikasi Korporat (UKK) Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM)
No.Telefon	03-8323 1773
Tarikh dikeluarkan	9 April 2021

**ATUR CARA MAJLIS PELANCARAN
BAYARAN BANTUAN KEWANGAN PERSEKUTUAN TANPA TUNAI
(CASHLESS) JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT
DENGAN KERJASAMA BANK ISLAM MALAYSIA BERHAD**

Tarikh : 9 April 2021 (Jumaat)
Masa : 2.00 petang
**Tempat : Grand Ballroom The Putra Regency Hotel
Kangar, Perlis**
**Pakaian : (Lelaki) : *Lounge Suit* Bersongkok
(Wanita) : Baju Kurung/ Baju Kebaya Labuh**

MASA	ACARA
2.00 petang	: Ketibaan Tetamu Jemputan / Pendaftaran
2.45 petang	: Ketibaan YB Datuk Seri Rina Mohd Harun Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat
3.00 petang	: Keberangkatan tiba DYTM Tuanku Raja Puan Muda Perlis
	: Lagu Negaraku dan Lagu Negeri Perlis
	: Ucapan oleh YB Exco Negeri Perlis
	: Ucapan oleh YB Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat
	: Gimik Pelancaran
	: Tayangan Montaj
	: Santapan / Minum petang
	: Keberangkatan balik DYTM Tuanku Raja Puan Muda Perlis
	: Majlis bersurai